

# Mahasiswa yakin BN menang PRU-13

KUALA LUMPUR 30 Jan. - Golongan mahasiswa di negara ini yakin Barisan Nasional (BN) mampu mempertahankan kemenangan mereka dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) nanti.

Pengerusi Yayasan Ehwal Siswa (YES), Datuk Mohd. Radzi Abd. Latif (**gambar**) berkata, satu kajian yang dijalankan oleh YES Disember lalu, mendapati 63 peratus daripada golongan terbabit yakin BN akan terus diberi mandat oleh rakyat.

Katanya, keyakinan tersebut turut disuarakan kalangan mahasiswa yang berasal dari negeri-negeri yang dikuasai pembangkang.

"Kajian ini membabitkan 3,000 responden terdiri daripada mahasiswa yang mewakili seluruh negeri serta sudah mendaftar sebagai pemilih di universiti awam di Lembah Klang iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Dengan sampel yang besar serta kebolehpercayaan yang tinggi dalam kajian ini, BN dijangka akan menang," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.



Yang turut hadir, Fellow Prinsipal Institut Pengajian Sosial UPM, Prof. Emeritus Datuk Dr. Sulaiman Md. Yassin; Pensyarah Geopolitik Pusat Pengajian Sains Pembangunan dan Persekitaran UKM, Prof. Madya Dr. Mohd. Fuad Mat Jali dan Pensyarah Bahagian Pengajian Pen-tadbiran Politik Fakulti Ekonomi UM, Muhammad Asri Mohd. Ali.

Menurut Mohd. Radzi, kajian tersebut juga mendapati 59 peratus mahasiswa dari Selangor, Kedah,

Kelantan dan Pulau Pinang mengaku Datuk Seri Najib Tun Razak adalah pemimpin pilihan utama mereka sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Selain itu, katanya, 57 peratus responden, yang mewakili UKM (75 peratus), UPM (67.4 peratus) dan UM (41.4 peratus), mengatakan kepimpinan Perdana Menteri baik dan popular.

Walau bagaimanapun, katanya, kunci penentu kejayaan sebuah parti bergantung kepada sokongan yang diberikan oleh pengundi atas pagar berdasarkan keputusan 'tidak pasti' yang diberikan oleh responden dalam kajian tersebut.